

• KENYATAAN AKHBAR

8 Mei 2016

Untuk Siaran Segera

TABUNG MAWADDAH, BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD MENYUMBANG SEBUAH VAN SEKOLAH KEPADA TAHFIZ AZ-ZAINAB, KG. SERENDAH, CHETOK, PASIR MAS, KELANTAN

Pasir Mas, Ahad 8 Mei : Tabung Mawaddah hari ini menyumbang sebuah van sekolah kepada Tahfiz Az-Zainab yang bernilai RM109,590.01 (Seratus Sembilan Ribu Lima Ratus Sembilan Puluh dan Satu Sen) Majlis penyerahan sumbangan dan perasmian Tahfiz ini diadakan di Tahfiz Az-Zainab, Kg Serendah, Chetok, Pasir Mas, Kelantan. Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Mohd Munir Abdul Majid, Pengerusi Bank Muamalat Malaysia Berhad telah menyerahkan sendiri simbolik sumbangan tersebut kepada Y.Bhg Dato' Mohd Izani Ghani, Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Keluarga Haji Ghani dan disaksikan oleh Tan Sri Zaman Khan Rahim Khan, Penasihat, Tahfiz Az-Zainab.

Pusat pengajian Tahfiz Az-Zainab ditubuhkan pada 30 Oktober 2015. Ia menyediakan pendidikan agama dan hafazan Al-Quran kepada pelajar-pelajarnya. Pusat pengajian ini mengambil pelajar-pelajar dari kalangan anak-anak asnaf, anak-anak yatim piatu dan dari keluarga berpendapatan rendah berumur diantara 8-15 tahun. Pada masa ini pusat pengajian ini mempunyai 30 orang pelajar dan dua orang guru.

Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Mohd Munir berkata. " Diharapkan sumbangan ini dapat memberi motivasi kepada para pelajar supaya belajar bersungguh-sungguh. Anak-anak ini adalah masa depan negara. Kita mahu mereka menjadi pelapis yang celik Al-Quran selain dalam akademik untuk menghadapi cabaran yang semakin getir di masa hadapan.

- Tamat -

Issued by Corporate Communications Department of Bank Muamalat Malaysia Berhad . For further information, please contact Saidatul Leiza Suleiman at leiza@muamalat.com.my or 011 – 3222 6558.